

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan pelaburan kepada masyarakat** serta **usaha-usaha menggalakkan masyarakat membuat pelaburan**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Malaysia merupakan salah sebuah pasaran baru yang menawarkan kelebihan bagi pelaburan langsung asing. Demi menggantik para pelabur cenderung untuk mananam modal di negara kita, kerajaan mengorak langkah dengan menyediakan pelbagai kemudahan yang diperlukan terutama prasarana yang lengkap. Oleh itu, kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan yang besar untuk menyediakan kemudahan elektrik dan air, di samping sistem pengangkutan yang baik demi menarik dan menjayakan projek-projek pelaburan asing. Melalui aktiviti pelaburan ini, secara tidak langsung, rakyat dapat menikmati kemudahan-kemudahan atau infrastruktur yang selesa yang telah disediakan oleh pihak kerajaan tersebut terutamanya bagi masyarakat yang tinggal di kawasan bandar-bandar utama.

Aktiviti pelaburan dapat menyediakan simpanan untuk masa depan atau pada usia tua bagi masyarakat hari ini. Hal ini demikian kerana, apabila usia kita telah meningkat, kemampuan untuk bekerja semakin berkurang. Tambahan pula, orang yang berada di sekeliling kita sekarang belum tentu dapat menyara kita pada usia tua kelak. Dengan adanya aktiviti pelaburan, banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan. Hal ini bermakna aktiviti pelaburan mampu mewujudkan peluang pekerjaan baharu terutama dalam sektor perindustrian, perhotelan dan sebagainya. Keadaan ini juga sekali gus dapat mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan masyarakat. Kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan masyarakat dapat mencetuskan pelbagai gejala sosial serta peningkatan kadar jenayah. Hal ini sekali gus dapat menjelaskan imej negara di mata dunia. Selain itu, pelaburan penting untuk pendidikan anak-anak pada hari ini. Kos untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat diploma dan ijazah semakin mahal. Sekurang-kurangnya, melalui pelaburan, ibu bapa hari ini mampu mengurangkan bebanan kewangan dalam menampung kos perbelanjaan pendidikan anak-anak.

Pelaburan juga dapat mengatasi kenaikan harga barang sekali gus dapat mengurangkan bebanan kewangan rakyat. Hal ini demikian kerana, kenaikan harga barang boleh *menimbulkan keresahan* dalam kalangan masyarakat. Aktiviti pelaburan juga memberi keuntungan kepada negara. Melabur seperti rumah, harta tanah, saham dan sebagainya dapat memberi keuntungan lumayan. Pelaburan dapat meningkatkan pembangunan infrastruktur negara kerana teknologi dari luar negara serta kepakaran tenaga kerja dibawa masuk ke negara kita. Hal ini secara tidak langsung dapat memberikan pendedahan teknologi makumat dan komunikasi terkini kepada masyarakat yang merupakan nadi utama untuk mempergiat pembangunan negara. Pelaburan merupakan pemangkin pembangunan ekonomi negara. Pelaburan dapat mengatasi kemelesetan ekonomi serta dapat meningkatkan taraf hidup rakyat. Kesimpulannya, pelaburan amat penting bagi memenuhi tujuan dan aspirasi negara. Pelaburan awal akan memberi keuntungan untuk masa depan kita. Oleh itu, amalan melabur wajar diterapkan dalam kalangan masyarakat hari ini agar masa depan lebih terjamin.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Manfaat Pelaburan Kepada Masyarakat’ Oleh Nazmy Shah Sannusi,
Dewan Masyarakat Januari 2013

Soalan 2: Pemahaman
[35 markah]

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menimbulkan keresahan*.
[2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan bahawa kadar pengangguran yang tinggi boleh mengundang pelbagai kesan negatif.
Kemukakan kesan-kesan negatif tersebut.
[3 markah]
- (iii) Aktiviti pelaburan dapat memberikan keuntungan yang besar kepada masyarakat dan negara.
Jelaskan pendapat anda tentang peranan pihak kerajaan dalam menggalakkan generasi muda hari ini melibatkan diri dalam aktiviti pelaburan.
[4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

POSMEN : Ada sesiapa yang bernama Aiman Faizullah bin Khir Ghazali di rumah ini?

AIMAN : Ada, sayalah orangnya. Surat apa ini?

POSMEN : Surat daripada Jabatan Latihan Khidmat Negara. Ini bermakna, adik terpilih untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara. Bagus program itu. Kalau umur abang macam adik, pasti abang tak akan lepaskan peluang ini.

AIMAN : Abang buang saja surat ini. Saya tak berminat langsung. Buat apa nak bersusah payah sertai program macam ini. Ayah saya banyak duit. Apa yang saya nak, semua boleh dapat. Buang masa dan tenaga saja program macam ini. Untuk orang susah bolehlah. Maklumlah, dapat makan percuma enam kali sehari, tempat tidur dan pakaian semua diberikan. Siap dapat RM50.00 lagi ...ha...ha...ha.

POSMEN : Tak baik cakap macam itu, banyak faedahnya program seperti ini. Cuba jangan fikir tentang duit dan makan minum tu. Cuba fikirkan tentang kemahiran dan pengalaman yang akan diperoleh nanti.

AIMAN : Abang ini cakap banyak pula, macamlah abang pernah sertai program tu.

POSMEN : Memanglah abang tak pernah sertai program itu. Tapi, hasil daripadanya dah banyak yang abang nampak.

AIMAN :Tak fahamlah saya, bang.

POSMEN : Maksud abang, remaja yang dah menyertai program ini, apabila tamat latihan, banyak kesan positif yang akan wujud dalam diri mereka. Anak jiran abang dulu pemalas. Kalau balik rumah cuma tahu tidur dan makan saja.Tapi selepas tamat program itu, abang tengok dia dah rajin tolong keluarganya dan baru Nampak rasa hormat kepada orang tua. Hasil yang paling dekat dengan adik abang sendiri. Memang bagus program itu. Banyak perubahan positif dalam diri dia.

AIMAN : Apa sajalah. Doakanlah, mana tahu terbuka hati saya untuk sertainya kelak.

Dipetik daripada drama “Berkhidmat untuk Negara”
Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, DBP

- (i) Mengapakah Aiman tidak berminat untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara?
[2 markah]
- (ii) Sebagai anak remaja yang berwawasan, bagaimanakah anda menunjukkan perasaan cinta
akan negara?
Kemukakan cadangan anda.
[3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** perwatakan Aiman yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** perwatakan
yang lain daripada keseluruhan drama tersebut.
[4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan Prosa Tradisional di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah sama-sama orang banyak. Maka kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, "Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya kepada Duli Yang Dipertuan. Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga; adapun orang Kelang ini menghadap bahawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah maka demikian fiil tuan?"

Maka tiada disahut oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pun tiada disahuti oleh Tun Perak. Genap tiga kali Seri Amerta berkata itu, maka barulah disahuti oleh Tun Perak, katanya, "Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, **jangan kemakanan matanya**. Akan pekerjaan kami orang bekerja ini, di mana tuan hamba tahu? Adapun akan sekarang Duli Yang Dipertuan di dalam negeri ini dengan perempuan anak isteri dan segala perkakas. Maka benarkah pada fikir tuan hamba, kami sekalian datang dengan laki-laki juga, dengan begini jauh Selat Kelang? Jikalau satu hal negeri ini, apa hisab pada kami sekalian? Sebab itulah maka segala orang Kelang ini hamba suruh bawa dengan anak isterinya sekali. Nescaya berperang dengan bersungguh-sungguh hatinya; kurang-kurang ia berlawankan Duli Yang Dipertuan lebih ia berlawankan anak isterinya bersungguh-sungguh."

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada' Dalam antologi *Sejada Rindu*.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *jangan kemakanan matanya*.
[2 markah]
- (ii) Tun Perak memberikan beberapa peringatan kepada Seri Amerta.
Nyatakan peringatan-peringatan tersebut.
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, wajarkah Tun Perak menyuruh orang Kelang datang ke Melaka untuk berperang dengan membawa anak dan isteri mereka?
[3 markah]

Soalan 2(d) – Puisi Moden

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kudup Perang

Sementara dia bergelar panglima
laskar perang; yang terus-menerus
membajakan kezaliman – sering
mengudupkan putik dendam
kita masih perlu berterima kasih
kepada jari-jemari takdir
kerana membenarkan sepasang mata
untuk berlari dengan tangan bergari
sempat juga menadah sejambak puisi
untuk sehari lagi; sambil bertanya:
siapakah pahlawan yang asli?

Memang kita tidak sempat menjenguk
ke luar jendela; sewaktu fajar menghembus
ringkik kuda, gemerincing
pedang pusaka
dan darah yang tiba-tiba membuka
di daerah angkara – perciknya
menumbuhkan kelopak rahsia
dalam keliru, tertanya-tanya kita
tangan mana yang memenggal
leher sang pendusta?

Andai namamu Tuah, kita masih
tidak mahu
menyanjungnya pendekar paling gagah
kerana takhta setia terbina
di istana wangsa
bukanlah penjamin kukuhnya
pasak saksama
sesekali turut direntakan daki pendusta
melekatlah selumbar sengsara
di tiang maruah kota.

Andai namamu Jebat, kita masih tidak
menggelarnya sebagai pengkhianat
kerana kita masih menangisi
peta keadilan yang tersiat – nun, karam
di lautan kesumat
sedang warga memanggilnya keramat.

perang pun melecurkan lidah muslihat
bercabang lalu bertemu bayu palsu;
bertiup dan memindahkan kebenaran pada
tempatnya
mewarnakan keindahan pada hodohnya
menjungkitkan amarah pada damainya
teramat lara kita menjahit semula
perca-perca bahagia – seperti perawan
yang dibungkamkan cinta pertama.

Sehingga senja tiba,
kita masih bertengkar
tentang siapa
pahlawan sebenarnya.

Dipetik daripada sajak ‘Kudup Perang’
oleh Tuah Sujana dalam antologi
Sejada Rindu, Kementerian
Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan rangkap **ketiga** sajak tersebut, nyatakan **dua** perkara yang menyebabkan Hang Tuah dianggap bukan pahlawan sebenar. [2 markah]
- (ii) Mencari seorang pemimpin yang benar-benar memiliki ketekunan untuk menerajui sebuah organisasi amat sukar.
- Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri seorang pemimpin yang berkualiti? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** nilai murni yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.
- (i) corat-coret
(ii) kusut-masai
(iii) remeh-temeh
(iv) remuk-redam
(v) mundar-mandir
(vi) lentang-lentung
- [6 markah]
- (b) Tukarkan **ayat aktif kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.**
- (i) Polis telah berjaya memberkas pengedar dadah itu dengan bantuan orang ramai.
- (ii) Kerajaan telah melancarkan Mahkamah Khas Jenayah Seksual Kanak-Kanak untuk membanteras penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak.
- (iii) Saya telah menduduki ujian untuk memasuki kelas memandu motosikal itu pada awal bulan lalu.

[6 markah]

- (c) *Dalam petikan di bawah terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Amalan rumah terbuka merupakan keunikkan yang hanya ada di Malaysia dan tidak ada di negara lain. Tradition ini perlu diteruskan dan perlu menjadikan contoh kepada generasi baharu. Semasa rumah terbuka, pelbagai juadah dihidangkan seperti sate, nasi impit, tosai, kuih sepit dan sebagainya. Melalui rumah terbuka, masyarakat berbilang bangsa di negara kita dapat merasakan juadah yang disediakan.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata dan istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Masalah obesiti di kalangan masyarakat Malaysia semakin memeningkan akhir-akhir ini.
- (ii) Walaupun kerja yang saya lakukan agak rumit bahkan saya melaksanakan kerja tersebut dengan penuh tanggungjawab.
- (iii) Pelajar yang ponteng sekolah itu lari lintang pukang apabila disapa oleh guru disiplin.

[6 markah]

- (e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan satu peribahasa lain yang sama atau hampir sama maksudnya dengan peribahasa yang bercetak tebal.*

- (i) Penduduk kampung Seronok sentiasa menghadapi susah dan senang bersama-sama ibarat kata peribahasa **hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah**.
- (ii) Walaupun Tan Sri Aliff kaya dan berpengaruh dalam masyarakat, namun beliau tetap merendah diri dan sering bergaul dengan pelbagai lapisan masyarakat bak kata peribahasa **ikut resmi padi, makin berisi makin tunduk**.
- (iii) Sikap Marissa yang melupakan jasa ibu angkatnya tidak ubah **seperti ulat lupa akan daun** kerana dia sanggup melupakan ibu angkatnya apabila bertemu semula dengan ibu kandungnya.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut :

- | | |
|--------|---|
| (i) | <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> karya Abdul Latip Talib |
| (ii) | <i>Di Sebalik Dinara</i> karya Dayang Noor |
| (iii) | <i>Jendela Menghadap Jalan</i> karya Ruhaini Matdarin |
| (iv) | <i>Pantai Kasih</i> karya Azmah Nordin |
| (v) | <i>Tirani</i> karya Beb Sabariah |
| (vi) | <i>Bimasakti Menari</i> karya Sri Rahayu bt Mohd Yusop |
| (vii) | <i>Songket Berbenang Emas</i> karya Khairuddin Ayib |
| (viii) | <i>Silir Daksina</i> karya Nizar Parman |

(a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraiakan **dua** pengajaran yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraiakan cara watak utama menyelesaikan konflik yang dihadapinya.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT